

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang kerajaan.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Pahang secara menyeluruh pada akhir tahun 2021, di samping membantu Kerajaan negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

Apa yang ditemui Audit?

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM640.95 juta, meningkat sebanyak RM98.96 juta (18.3%) berbanding RM541.99 juta pada tahun 2020.
- Pelaburan saham di Penyata Kedudukan Kewangan meningkat sebanyak RM40 juta atau 12.8% menjadi RM352.19 juta pada tahun 2021 berbanding RM312.19 juta pada tahun 2020.
- Pelaburan saham di Penyata Akaun Memorandum pada tahun 2021 berjumlah RM846.46 juta adalah sama seperti pada tahun 2020.
- Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebih sejumlah RM5.86 juta iaitu penurunan sebanyak RM182.16 juta (96.9%) berbanding RM188.02 juta pada tahun 2020. Kutipan hasil meningkat sebanyak RM15.53 juta (1.8%) menjadi RM865.99 juta berbanding RM850.46 juta pada tahun 2020.
- Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada keseluruhannya meningkat sebanyak RM197.69 juta (29.8%) pada tahun 2021, iaitu daripada RM662.44 juta pada tahun 2020 kepada RM860.13 juta.
- Prestasi pelaksanaan projek RMKe-12 pada tahun 2021 adalah memuaskan kerana sejumlah RM102.63 juta (58.3%) telah dibelanjakan daripada peruntukan RM176.12 juta yang diluluskan. Pelaksanaan projek adalah memuaskan kerana sebanyak 198 projek

telah diluluskan dan 81 projek (41%) telah siap sepenuhnya manakala 45 projek (23%) dalam pelaksanaan dan 6 projek (3%) ditangguhkan serta 66 projek (33%) belum dilaksanakan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM3.40 juta (1.7%) daripada RM199.69 juta pada tahun 2020 kepada RM196.29 juta pada tahun 2021.
- Jumlah Hutang Awam meningkat sebanyak RM38.36 juta (1.2%) menjadi RM3.108 bilion pada tahun 2021 berbanding RM3.070 bilion pada tahun 2020. Tunggakan Hutang Awam oleh Kerajaan negeri pada tahun 2021 ialah RM1.441 bilion.
- Pelbagai Liabiliti bagi perjanjian penyelesaian oleh Kerajaan negeri sebanyak RM275.65 juta pada tahun 2021.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Bagi menambah baik prestasi kewangan, Kerajaan negeri disyorkan mengambil langkah-langkah seperti berikut:
 - meneruskan amalan perbelanjaan secara berhemat serta berusaha mengutip tunggakan hasil dan bayaran balik pinjaman boleh dituntut bagi memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan negeri; dan
 - berusaha untuk memastikan hutang awam dibayar mengikut tempoh yang ditetapkan.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL	↑ AKAUN HASIL DISATUKAN	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2021 – RM865.99 juta	2021 – RM170.81 juta	2021 – RM196.29 juta
2020 – RM850.46 juta	2020 – RM164.95 juta	2020 – RM199.69 juta
↑ BELANJA	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	PELABURAN
2021 – RM931.11 juta	2021 – RM0	2021 – RM846.46 juta
2020 – RM679.38 juta	2020 – RM0	2020 – RM846.46 juta
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↑ HUTANG AWAM
	2021 – RM470.14 juta	2021 – RM3.108 bilion
	2020 – RM377.04 juta	2020 – RM3.069 bilion
		↑ PELBAGAI LIABILITY
		2021 – RM275.65 juta
		2020 – RM0

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan negeri menunjukkan Wang Awam yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Pada tahun 2021, sumber dana Kerajaan negeri berjumlah RM865.99 juta terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana adalah bagi membiayai Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan dan Perbelanjaan Bekalan Air berjumlah RM931.11 juta. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri mengalami defisit dana berjumlah RM65.12 juta berbanding lebihan RM171.08 juta pada tahun 2020.

3.2. Analisis Audit mendapati hasil Kerajaan negeri menunjukkan peningkatan sebanyak RM15.53 juta atau 1.8% menjadi RM865.99 juta berbanding RM850.46 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan Kerajaan negeri pula menunjukkan peningkatan sebanyak RM251.73 juta atau 37.1% menjadi RM931.11 juta berbanding RM679.38 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan Mengurus menunjukkan peningkatan sebanyak RM223.34 juta atau 36.9% menjadi RM828.48 juta berbanding RM605.14 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan Pembangunan juga menunjukkan peningkatan sebanyak RM13.42 juta atau 21.2% menjadi RM76.74 juta berbanding RM63.32 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan Bekalan Air juga meningkat sebanyak RM14.97 juta atau 137.1% menjadi RM25.89 juta berbanding RM10.92 juta pada tahun 2020. Penyata Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYATA PRESTASI KEWANGAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
HASIL:				
Hasil Cukai	422.07	428.56	(6.49)	(1.5)
Hasil Bukan Cukai	265.44	301.62	(36.18)	(12.0)
Terimaan Bukan Hasil	178.48	120.28	58.2	48.4
JUMLAH HASIL	865.99	850.46	15.53	1.8
PERBELANJAAN:				
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)	828.48	605.14	223.34	36.9
Perbelanjaan Pembangunan	76.74	63.32	13.42	21.2
Perbelanjaan Bekalan Air	25.89	10.92	14.97	137.1
JUMLAH PERBELANJAAN	931.11	679.37	251.74	37.1
LEBIHAN/(KURANGAN)	(65.12)	171.08	(236.20)	(138.1)
Lebihan/(Kurangan) Dibiayai Oleh:				
Pinjaman Dalam Negeri	77.44	42.25	35.19	83.3
Pelbagai Terimaan	45.09	26.15	18.94	72.4
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	(57.41)	(239.48)	182.07	(76.0)
JUMLAH PEMBIAYAAN	65.12	(171.08)	236.20	(138.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

3.3. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan negeri pada tahun 2021 adalah stabil walaupun Kerajaan negeri mengalami kurangan keseluruhan pada tahun 2021 berjumlah RM65.12 juta.

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM640.95 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada Wang Tunai berjumlah RM288.76 juta dan Pelaburan berjumlah RM352.19 juta.

4.2. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 meningkat sebanyak RM98.96 juta atau 18.3% menjadi RM640.95 juta berbanding RM541.99 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh Akaun Amanah Disatukan meningkat sejumlah RM93.10 juta atau 24.7% berbanding tahun 2020. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.


JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	170.81	164.95	5.86	3.6
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan	470.14	377.04	93.10	24.7
JUMLAH		640.95	541.99	98.96	18.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

4.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2017 hingga 2021

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan termasuk simpanan tetap di institusi kewangan bagi tempoh tiga bulan atau kurang. Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang diterima tetapi belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada akhir tahun kewangan. Wang Tunai Dalam Tangan pula merupakan Panjar Wang Runcit yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Baki wang tunai Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM58.96 juta atau 25.7% pada akhir tahun 2021 menjadi RM288.76 juta berbanding RM229.80 juta pada akhir tahun 2020 seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
BAKI WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	288.61	229.66	58.95	25.7
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.01	0.00	0.01	100.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.14	0.14	0.00	0.0
JUMLAH		288.76	229.80	58.96	25.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Perenggan 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebih wang. Pelaburan Kerajaan negeri adalah Pelaburan Am daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan. Pelaburan Am terdiri daripada pegangan saham dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Saham Tak Tersiar Harga dan Deposit Dalam Negeri.

5.2.2. Pada akhir tahun 2021, baki pelaburan meningkat sejumlah RM40 juta atau 12.8% menjadi RM352.19 juta berbanding RM312.19 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh penjualan Deposit Dalam Negeri sebanyak RM200 juta dan pembelian Deposit Dalam Negeri di lima bank sebanyak RM240 juta. Baki pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
BAKI PELABURAN KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2021 DAN 2020

BIL.	SYARIKAT/ INSTITUSI KEWANGAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
SAHAM					
1.	Amanah Saham Pahang Berhad	44.10	44.10	0.00	0.0
2.	YTL Corporation Berhad	39.59	39.59	0.00	0.0
3.	Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (M) Berhad	15.21	15.21	0.00	0.0
4.	Telekom Malaysia Berhad	3.05	3.05	0.00	0.0
5.	Global Maritime Ventures Berhad	3.00	3.00	0.00	0.0
6.	Malaysia Airport Berhad	2.50	2.50	0.00	0.0
7.	Alam Flora Sdn. Bhd.	2.00	2.00	0.00	0.0
8.	Malaysian Bulk Carriers Berhad	1.72	1.72	0.00	0.0
9.	Tenaga Nasional Berhad	0.79	0.79	0.00	0.0
10.	Axiata Group Berhad	0.23	0.23	0.00	0.0
JUMLAH		112.19	112.19	0.00	0.0
DEPOSIT DALAM NEGERI					
1.	BIMB Investment Malaysia Berhad	0.00	150.00	(150.00)	(150.0)
2.	Affin Hwang Asset Management Berhad	0.00	50.00	(50.00)	(50.0)
3.	Bank Muamalat Malaysia Berhad	100.00	0.00	100.00	100.0
4.	Bank Rakyat	60.00	0.00	60.00	100.0
5.	Bank Islam Malaysia Berhad	30.00	0.00	30.00	100.0
6.	Bank MBSB Berhad	30.00	0.00	30.00	100.0
7.	Agro Bank	20.00	0.00	20.00	100.0
JUMLAH		240.00	200.00	40.00	20.0
JUMLAH PELABURAN		352.19	312.19	40.00	12.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

5.2.3. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri menerima pulangan atas pelaburan berjumlah RM10.51 juta menurun sebanyak RM3.01 juta atau 22.3% berbanding RM13.52 juta pada tahun 2020. Pulangan atas pelaburan tersebut adalah dalam bentuk tunai iaitu keuntungan dan dividen yang dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh pengurangan terimaan dividen daripada Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Malaysia Airport Berhad (MAB) dan Telekom Malaysia Berhad. Selain itu, tiada pulangan diterima daripada tiga syarikat pada tahun 2020 dan 2021 iaitu Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA), Global Maritime Ventures Berhad (GMVB) dan Malaysian Bulk Carriers Berhad (MBCB). Pulangan yang diterima oleh Kerajaan negeri pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PULANGAN ATAS PELABURAN YANG DITERIMA
OLEH KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	SYARIKAT/INSTITUSI KEWANGAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
SAHAM					
1.	Alam Flora Sdn. Bhd.	3.62	6.51	(2.89)	(44.4)
2.	Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (M) Berhad	3.30	3.30	0.00	0.0
3.	YTL Corporation Berhad	2.58	0.00	2.58	100.0
4.	Telekom Malaysia Berhad	0.13	0.15	(0.02)	(13.3)
5.	Tenaga Nasional Berhad	0.80	0.92	(0.12)	(13.0)
6.	Axiata Group Berhad	0.08	0.06	0.02	33.3
7.	Malaysia Airport Berhad	0.00	0.10	(0.10)	(100.0)
8.	Amanah Saham Pahang Berhad	0.00	0.00	0.00	0.0
9.	Global Maritime Ventures Berhad	0.00	0.00	0.00	0.0
10.	Malaysian Bulk Carriers Berhad	0.00	0.00	0.00	0.0
JUMLAH		10.51	11.04	(0.53)	(4.8)
DEPOSIT DALAM NEGERI					
1.	BIMB Investment Management Berhad	0.00	1.32	(1.32)	(100.0)
2.	Affin Hwang Asset Management Berhad	0.00	1.16	(1.16)	(100.0)
JUMLAH		0.00	(2.48)	(2.48)	(100.0)
JUMLAH KESELURUHAN		10.51	13.52	(3.01)	(22.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

5.2.4. Selain itu, Kerajaan negeri telah menjual Deposit Dalam Negeri di dalam BIMB Investment Management Berhad (BIMB) dan Affin Hwang Asset Management Berhad (AHAMB). Hasil penjualan Deposit Dalam Negeri tersebut adalah sebanyak RM202.57 juta dengan keuntungan atas jualan sebanyak RM2.57 juta berbanding kos belian RM200 juta.

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan negeri mengakhiri tahun kewangan 2021 dengan baki lebih terkumpul Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM170.81 juta. Lebihan hasil tahun semasa menunjukkan penurunan sebanyak RM182.16 juta atau 96.9% menjadi RM5.86 juta pada tahun 2021 berbanding RM188.02 juta pada tahun 2020. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	164.95	(23.07)	188.02	(815.0)
Hasil	865.99	850.46	15.53	1.8
Perbelanjaan Mengurus*	860.13	662.44	197.69	29.8
Lebihan	5.86	188.02	(182.16)	(96.9)
BAKI PADA 31 DISEMBER	170.81	164.95	5.86	3.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

6.3. Hasil

6.3.1. Akaun Hasil Disatukan terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2021, kutipan hasil sebenar Kerajaan negeri berjumlah RM865.99 juta atau 108.1% daripada anggaran hasil yang diluluskan berjumlah RM800.80 juta seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN HASIL TAHUN 2021

BIL.	KATEGORI HASIL	ANGGARAN HASIL (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Hasil Cukai	392.04	422.07	107.7
2.	Hasil Bukan Cukai	288.83	265.44	91.9
3.	Terimaan Bukan Hasil	119.93	178.48	148.8
JUMLAH		800.80	865.99	108.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021


6.3.2. Hasil pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM15.53 juta atau 1.8% menjadi RM865.99 juta berbanding RM850.46 juta pada tahun 2020. Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai masing-masing menurun sebanyak RM6.49 juta atau 1.5% dan RM36.18 juta atau 12% menjadi RM422.07 juta dan RM265.44 juta pada tahun 2021 berbanding RM428.56 juta dan RM301.62 juta pada tahun 2020. Terimaan Bukan Hasil pula mencatatkan peningkatan ketara sebanyak RM58.20 juta atau 48.4% menjadi RM178.48 juta pada tahun 2021 berbanding RM120.28 juta pada tahun 2020. Kutipan hasil Kerajaan negeri pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 2**.

JADUAL 8
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	KATEGORI HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/(PENURUNAN)
				(RM Juta)	(%)	
1.	Hasil Cukai	422.07	428.56	(6.49)	(1.5)	- Peningkatan kutipan Cukai Tanah sebanyak RM49.63 juta. - Penurunan Cukai Tak Langsung iaitu Cukai Hiburan sebanyak RM30.42 juta. - Penurunan Royalti Perlombongan sebanyak RM18.23 juta.
2.	Hasil Bukan Cukai	265.44	301.62	(36.18)	(12.0)	Penurunan Premium <i>Allienation</i> dan Premium Perhutanan masing-masing sebanyak RM21.01 juta dan RM20.25 juta.
3.	Terimaan Bukan Hasil	178.48	120.28	58.2	48.4	Lain-lain terimaan/pindahan/sumbangan meningkat sebanyak RM89.90 juta.
JUMLAH		865.99	850.46	15.53	1.8	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

CARTA 2
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

6.3.3. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri ialah Hasil Tanah, Geran Persekutuan, Hasil-hasil Lain, Hasil Hutan dan Hasil Air. Pada tahun 2021, hasil-hasil lain meningkat dengan ketara sejumlah RM64.74 juta berbanding tahun 2020 disebabkan oleh Lain-lain Terimaan/Pindahan/Sumbangan serta Sumbangan dan Bayaran Ganti Daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan. Hasil utama Kerajaan negeri pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Tanah	508.69	504.83	3.86	0.8
2.	Geran Persekutuan	73.53	95.28	(21.75)	(22.8)
3.	Hasil-hasil Lain	164.42	99.68	64.74	64.9
4.	Hasil Hutan	102.62	130.97	(28.35)	(21.6)
5.	Hasil Air	16.73	19.70	(2.97)	(15.1)
JUMLAH		865.99	850.46	15.53	1.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

6.3.4. Pada tahun 2021, tiga butiran hasil mencatatkan peningkatan ketara berbanding tahun 2020 iaitu Terimaan Dari Jabatan/Agensi Kerajaan/Badan Berkanun, Cukai Tanah Semasa, Sumbangan dan Bayaran Ganti Daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENINGKATAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Terimaan Dari Jabatan/Agensi Kerajaan/Badan Berkanun	89.90	0.00	89.90	100.0	Sumbangan Perbadanan Setiausaha Kerajaan berjumlah RM76 juta dan Majlis Perbandaran Bentong berjumlah RM6 juta.
2.	Cukai Tanah Semasa	360.53	310.90	49.63	16.0	Peningkatan cukai tanah disebabkan pelaksanaan pindaan kadar cukai tanah pada tahun 2020.
3.	Sumbangan dan Bayaran Ganti Daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan	12.96	0.0	12.96	100.0	Sumbangan daripada pelbagai syarikat kepada Kerajaan negeri.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

6.3.5. Pada tahun 2021, dua butiran hasil yang mencatatkan penurunan ketara berbanding tahun 2020 iaitu cukai hiburan dan perolehan dari jualan barang-barang seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PENURUNAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Cukai Hiburan	2.31	32.74	(30.43)	(92.9)	Pengurangan hasil Cukai Tiket Pertunjukan Pentas dan Cukai Tiket Taman Hiburan pada tahun 2021 berbanding pada tahun 2020 masing-masing berjumlah RM21.64 juta dan RM5.19 juta akibat pandemik Covid-19.
2.	Perolehan dari Jualan Barang-barang	129.63	170.41	(40.78)	(23.9)	Penurunan terimaan hasil Premium Pemberi Milikan, Premium Perhutanan masing-masing berjumlah RM21.01 juta dan RM20.25 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

6.4. Perbelanjaan Mengurus

6.4.1. Perbelanjaan mengurus terbahagi kepada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan khusus yang diperuntukkan mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan iaitu yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah perbelanjaan yang diperuntukkan mengikut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan seperti bayaran untuk membiayai aktiviti dan pengurusan harian Kerajaan negeri.

6.4.2. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Pada tahun 2021, peruntukan perbelanjaan mengurus yang diluluskan meningkat sejumlah RM225.36 juta atau 30.4% berbanding tahun 2020 seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	344.19	343.46	0.73	0.2
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	175.23	161.59	13.64	8.4
3.	Aset	15.25	1.78	13.47	756.7
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	424.54	226.09	198.45	87.8
5.	Perbelanjaan Lain	7.54	8.47	(0.93)	(11.0)
JUMLAH		966.75	741.39	225.36	30.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

6.4.3. Peruntukan asal yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2021 berjumlah RM795.03 juta. Peruntukan ini telah ditambah sebanyak RM171.72 juta menjadi RM966.75 juta selepas semakan semula. Pada tahun 2021, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri berjumlah RM860.13 juta atau 89% daripada peruntukan yang diluluskan seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2021 BERBANDING PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN

BIL.	BUTIRAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	344.19	329.99	95.9
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	175.23	149.50	85.3
3.	Aset	15.25	15.05	98.7
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	424.54	358.46	84.4
5.	Perbelanjaan Lain	7.54	7.13	94.6
JUMLAH		966.75	860.13	89.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021

Nota: (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM31.65 juta

6.4.4. Pada tahun 2021, perbelanjaan mengurus telah meningkat sebanyak RM197.69 juta atau 29.8% menjadi RM860.13 juta berbanding RM662.44 juta pada tahun 2020 seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PERBELANJAAN MENGURUS
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	329.99	317.67	12.32	3.9
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	149.50	132.31	17.19	13.0
3.	Aset	15.05	1.64	13.41	817.7
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	358.46	205.08	153.38	74.8
5.	Perbelanjaan Lain	7.13	5.74	1.39	24.2
JUMLAH		860.13	662.44	197.69	29.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM31.65 juta

6.4.5. Antara butiran perbelanjaan yang mencatat justifikasi peningkatan yang ketara pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PENINGKATAN KETARA PERBELANJAAN MENGURUS
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
PUSAT TANGGUNG JAWAB: PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI						
1.	Emolumen	19.25	12.07	7.18	59.4	Peningkatan kadar pemberian Bantuan Kewangan di bawah kod objek 17000 berjumlah RM7.05 juta.
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	17.27	6.18	11.09	179.4	Peningkatan perbelanjaan operasi menangani Covid-19 antaranya seperti makan minum petugas sekatan jalan raya Covid-19, pembelian peralatan pencegahan Covid-19 dan pengoperasian <i>one stop centre</i> .
3.	Aset	15.02	1.17	13.85	1183.8	Pada tahun 2021 terdapat pembelian 82 buah kenderaan berjumlah RM8.57 juta untuk kegunaan jabatan negeri.
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	165.85	59.64	106.21	178.1	Pada tahun 2021, terdapat bayaran perakuan perintah untuk amaun penghakiman terhadap Kerajaan negeri oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.
5.	Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	3.40	1.75	1.65	94.3	Terdapat bayaran pulang balik premium (Notis 5A) kelulusan pemberimilikan tanah kepada Majlis Pemandaran Kuantan sebanyak RM1.96 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

6.4.6. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa. Pembayaran boleh dibuat dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.
- b. Pada tahun 2021, sejumlah RM0.72 juta (255 baucar bayaran) telah dibayar di bawah AP 58(a). Jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding RM130,028 (85 baucar bayaran) pada tahun 2020, iaitu peningkatan sebanyak RM0.59 juta atau 450.6% berbanding tahun 2020. Butiran pembayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JABATAN	2021		2020	
		BILANGAN BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	78	362,361.18	8	7,134.50
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	70	249,530.66	0	0.00
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Maran	33	12,784.49	0	0.00
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran	17	22,207.95	3	3,457.01
5.	Jabatan Agama Islam Negeri	16	19,131.72	3	1,630.40
6.	Jabatan Kehakiman Syariah	11	14,809.69	2	453.54
7.	Pejabat KDYMM Sultan	8	8,369.42	13	86,293.10
8.	Jabatan Kerja Raya	6	9,068.94	4	4,114.94
9.	Jabatan Perhutanan Negeri	6	7,967.45	39	16,495.63
10.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri	3	1,788.85	0	0.00
11.	Pejabat Daerah dan Tanah Pekan	2	2,696.00	0	0.00
12.	Jabatan Pertanian Negeri	2	1,256.85	0	0.00
13.	Dewan Negeri	1	1,744.75	6	7,565.25
14.	Jabatan Mufti Negeri	1	70.01	1	217.38
15.	Pejabat Daerah dan Tanah Lipis	1	2,200.00	0	0.00
16.	Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri	0	0.00	1	280.00
17.	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut	0	0.00	5	2,386.19
JUMLAH		255	715,987.97	85	130,027.94

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

- c. Sebahagian besar perbelanjaan di bawah AP 58(a) melibatkan tuntutan gantian cuti rehat, elaun perjalanan, bayaran rawatan perubatan, sewa mesin fotostat, bayaran bil air dan tuntutan bayaran balik bil telefon. Pembayaran di bawah AP 58(a) dibuat antaranya disebabkan oleh bil/tuntutan lewat diterima.
- d. Pihak Audit mendapati permohonan AP 58(a) tahun 2021 telah direkodkan ke dalam Daftar Permohonan AP 58(a). Selain itu, peruntukan tahun 2021 adalah mencukupi bagi pembayaran di bawah AP 58(a).

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan merupakan sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan mengikut Perenggan 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan kumpulan wang lain yang berkaitan.

7.2. Pada tahun 2021, sejumlah RM77.44 juta pinjaman telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek Kerajaan negeri. Sejumlah RM6.67 juta adalah bagi Projek Bekalan Air di bawah Kumpulan Wang Bekalan Air dan RM70.77 juta lagi bagi Projek Pembangunan Pusat Pentadbiran Sultan Haji Ahmad Shah di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Keseluruhan amaun pinjaman telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN


8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Perenggan 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Ikatan Amanah mengenainya di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2021, baki Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM470.14 juta, iaitu meningkat sebanyak RM93.10 juta atau 24.7% berbanding RM377.04 juta pada tahun 2020. Peningkatan Akaun Amanah Disatukan antaranya disebabkan oleh peningkatan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM61.49 juta atau 193.3%. Baki Akaun Amanah Disatukan adalah seperti dalam **Jadual 17** dan **Carta 3**.

JADUAL 17
BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	29.68	(31.81)	61.49	(193.3)
i. <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	<i>(356.76)</i>	<i>(356.76)</i>	0.00	0.0
ii. <i>Kumpulan Wang Bekalan Air</i>	<i>(295.15)</i>	<i>(275.92)</i>	(19.23)	7.0
iii. <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	<i>681.59</i>	<i>600.88</i>	80.71	13.4
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	136.37	116.55	19.82	17.0
c. Akaun Deposit	304.09	292.30	11.79	4.0
JUMLAH	470.14	377.04	93.10	24.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

CARTA 3
BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2017 Hingga 2021

8.2. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada tiga kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Kumpulan wang ini berbentuk pusingan dan pembayarannya tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Negeri Pahang.

8.2.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan perbelanjaan pembangunan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406). Punca kewangan bagi kumpulan wang ini antaranya adalah caruman dari Akaun Hasil Disatukan, jualan aset modal iaitu jualan rumah kos rendah dan Pelbagai Terimaan. Kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk membiayai projek pembangunan negeri seperti yang ditetapkan dalam Akta 406 dan diluluskan oleh Dewan Negeri.

a. Prestasi Kewangan

- i. Pada tahun 2021, kumpulan wang ini telah menerima sejumlah RM76.74 juta yang terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM31.65 juta, Jualan Aset Modal berjumlah RM0.82 juta serta Pelbagai Terimaan berjumlah RM44.27 juta. Pelbagai Terimaan terdiri daripada Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup sejumlah RM31.45 juta, Sewaan Rumah Awam Kos Rendah dan lain-lain sewa sejumlah RM3.11 juta dan Pemberian Persekutuan sejumlah RM5.21 juta serta pelbagai terimaan kumpulan wang pembangunan berjumlah RM4.50 juta.

- ii. Pada tahun 2021, Kumpulan Wang Pembangunan tiada mencatatkan lebih atau kurang berbanding lebih RM20.13 juta pada tahun 2020, iaitu menurun sebanyak RM20.13 juta atau 100%. Ini kerana jumlah terimaan pada tahun 2021 mampu menampung jumlah perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021. Pada akhir tahun 2021, Kumpulan Wang Pembangunan berbaki defisit berjumlah RM356.76 juta bersamaan baki defisit tahun 2020 yang berjumlah RM356.76 juta pada akhir tahun 2020 seperti **Jadual 18**.

JADUAL 18
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(356.76)	(376.89)	20.13	(5.3)
Terimaan	76.74	83.45	(6.71)	(8.0)
Perbelanjaan	76.74	63.32	(13.42)	21.2
Lebih/ Defisit	0.00	20.13	(20.13)	(100.0)
BAKI PADA 31 DISEMBER	(356.76)	(356.76)	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

- iii. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 telah meningkat sebanyak RM13.42 juta atau 21.2% menjadi RM76.74 juta berbanding RM63.32 juta pada tahun 2020 seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	12.05	8.32	3.73	44.8
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	22.80	22.03	0.77	3.5
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	20.09	13.80	6.29	45.6
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	3.01	1.97	1.04	52.8
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	1.69	1.02	0.67	65.7
6.	Jabatan Pertanian Negeri	5.36	4.99	0.37	7.4
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	4.67	2.81	1.86	66.2
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	6.69	7.99	(1.30)	(16.3)
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	0.38	0.39	(0.01)	(2.6)
JUMLAH		76.74	63.32	13.42	21.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

b. Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-12

- i. Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) merangkumi projek pembangunan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan dan projek bekalan air di bawah Kumpulan Wang Bekalan Air bagi tempoh lima tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025.

Sejumlah RM2.492 bilion siling peruntukan bagi RMKe-12 telah ditetapkan oleh Kerajaan negeri dan sejumlah RM176.12 juta atau 7.1% peruntukan telah diluluskan untuk pelaksanaan projek yang telah dirancang bagi tempoh berakhir 31 Disember 2021 seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
PERUNTUKAN DILULUSKAN BERBANDING SILING
PERUNTUKAN RMKe-12 BAGI TEMPOH BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	318.22	15.44	4.9
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	151.86	33.09	21.8
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	491.92	23.05	4.7
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	40.94	3.35	8.2
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	21.83	1.72	7.9
6.	Jabatan Pertanian Negeri	60.60	5.50	9.1
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	179.45	4.87	2.7
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	356.07	7.51	2.1
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	35.50	0.40	1.1
10.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (Bekalan Air)	835.65	81.19	9.7
JUMLAH		2,492.04	176.12	7.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021

- ii. Sejumlah RM102.63 juta atau 58.3% telah dibelanjakan sepanjang tempoh berakhir 31 Disember 2021 berbanding peruntukan yang diluluskan. Prestasi perbelanjaan mengikut jabatan/pejabat pula adalah antara 31.9% hingga 98.3% seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PRESTASI PERBELANJAAN RMKe-12 BAGI TEMPOH BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	15.44	12.05	78.0
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	33.09	22.80	68.9
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	23.05	20.09	87.2
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	3.35	3.01	89.9
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	1.72	1.69	98.3
6.	Jabatan Pertanian Negeri	5.50	5.36	97.5
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	4.87	4.67	95.9
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	7.51	6.69	89.1
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	0.40	0.38	95.0
10.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (Bekalan Air)	81.19	25.89	31.9
JUMLAH		176.12	102.63	58.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021

iii. Sepanjang tempoh berakhir 31 Disember 2021, sebanyak 198 projek telah diluluskan dan 81 projek atau 41% telah siap sepenuhnya manakala 45 projek atau 22% dalam pelaksanaan dan enam projek atau 3% ditangguhkan serta 66 projek atau 33% belum dilaksanakan. Prestasi pelaksanaan projek RMKe-12 bagi tempoh berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti dalam **Jadual 22** dan **Carta 4**.


JADUAL 22
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-12 BAGI TEMPOH BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BILANGAN PROJEK				
		LULUS	SIAP	DALAM PELAKSANAAN	TANGGUH	BELUM DILAKSANAKAN
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	44	22	5	5	12
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	10	5	3	0	2
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	20	5	9	0	6
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	25	13	3	0	9
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	16	11	3	1	1
6.	Jabatan Pertanian Negeri	18	15	3	0	0
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	27	4	12	0	11
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	24	5	1	0	18
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	2	1	0	0	1
10.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (Bekalan Air)	12	0	6	0	6
JUMLAH		198	81	45	6	66*

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan

Nota: (*) - 66 projek token RM10/belum dilaksanakan

CARTA 4
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-12
BAGI TEMPOH BERAKHIR 31 DISEMBER 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan

8.2.2. Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Subseksyen 3(1), Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Akta 230). Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai

perbelanjaan berkaitan bekalan air. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah menerima pinjaman sejumlah RM6.67 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Prestasi Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2021 telah menurun sebanyak RM13.09 juta atau 213.5% menjadikan defisit berjumlah RM19.22 juta berbanding defisit berjumlah RM6.13 juta pada tahun 2020. Pada akhir tahun 2021, Kumpulan Wang Bekalan Air berbaki defisit berjumlah RM295.15 juta berbanding RM275.93 juta pada tahun 2020 seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
BAKI KUMPULAN WANG BEKALAN AIR
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(275.93)	(269.80)	(6.13)	(2.3)
Terimaan	6.67	4.79	1.88	39.2
Perbelanjaan	25.89	10.92	14.97	137.1
Defisit	(19.22)	(6.13)	(13.09)	213.5
BAKI PADA 31 DISEMBER	(295.15)	(275.93)	(19.22)	(7.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

8.2.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang. Pada akhir tahun 2021, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM681.59 juta menurun sebanyak RM80.71 juta atau 13.4% berbanding RM600.88 juta pada tahun 2020.
- b. Faktor utama peningkatan ini antaranya disebabkan oleh baki Akaun Penyelesaian iaitu terimaan Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan sejumlah RM100 juta. Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
BAKI PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	246.71	186.67	60.04	32.2
2.	Akaun Pinjaman	140.53	133.76	6.77	5.1
3.	Kumpulan Wang Luar Jangka	10.00	10.00	0.00	0.0
4.	Pelbagai Kumpulan Wang	284.35	270.45	13.90	5.1
JUMLAH		681.59	600.88	80.71	13.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

c. Akaun Penyelesaian

- i. Akaun Penyelesaian terdiri daripada Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan, Akaun Pinjaman Bercagar Daripada Kerajaan Persekutuan dan Akaun Peruntukan Pendahuluan Jabatan. Pada tahun 2021, Akaun Penyelesaian meningkat sebanyak RM60.04 juta atau 32.2% menjadi RM246.71 juta berbanding RM186.67 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh terimaan Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan sejumlah RM100 juta bagi menampung aliran operasi. Selain itu, sejumlah RM20.63 juta telah di *offset* pada tahun 2021 bagi bayaran balik pendahuluan terdahulu.
- ii. Pada tahun 2021, Akaun Pinjaman Bercagar Daripada Kerajaan Persekutuan telah menurun sebanyak RM15.16 juta menjadi RM54.87 juta berbanding RM70.03 juta pada tahun 2020. Hal ini disebabkan oleh bayaran balik pinjaman menggunakan peruntukan Kerajaan negeri sejumlah RM13.26 juta dan RM1.90 juta dividen saham Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (M) Berhad yang di *offset*.

d. Akaun Pinjaman

Akaun Pinjaman terdiri daripada Akaun Peruntukan dan Akaun Transaksi bagi pendahuluan/pinjaman kepada penjawat awam, Ahli Dewan Undangan Negeri serta agensi negeri. Baki Akaun Pinjaman meningkat sebanyak RM6.77 juta atau 5.1% menjadi RM140.53 juta pada tahun 2021 berbanding RM133.76 juta pada tahun 2020. Perkara ini antaranya disebabkan oleh bayaran balik pokok pinjaman oleh Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) sebanyak RM1.64 juta, ASPA sebanyak RM1 juta dan sebanyak RM4.1 juta oleh Pinjaman Sukan Malaysia.

e. Pelbagai Kumpulan Wang

- i. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah terdiri daripada kumpulan wang amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta 61 bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan dan sumber lain. Kumpulan wang ini ditubuhkan untuk mengakaun terimaan, bayaran dan pelarasan yang berkaitan. Sebanyak 16 akaun pada tahun 2021 berbanding 15 akaun pada tahun 2020 kerana satu akaun baharu telah ditubuhkan iaitu Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri.

ii. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri

- Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri diwujudkan untuk membiayai kos berkaitan penyelenggaraan jalan negeri. Pada akhir tahun 2021, baki kumpulan wang amanah ini berjumlah RM185.49 juta iaitu meningkat sebanyak RM13.55 juta atau 7.9% berbanding RM171.94 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan ketara terimaan sejumlah RM78.86 juta atau 26.5% menjadi RM376.93 juta berbanding RM298.07 juta pada tahun 2020. Hal ini disebabkan oleh pertambahan pendaftaran jalan negeri dalam *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS).
- Mengikut rekod MARRIS, panjang jalan di negeri Pahang adalah 37,022.261 kilometer merangkumi jalan negeri utama, jalan bandaran, jalan perumahan, lorong belakang perumahan, jalan kampung dan jalan pertanian. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
BAKI KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN
JALAN RAYA NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	171.94	191.17	(19.23)	(10.1)
Terimaan	376.93	298.07	78.86	26.5
Perbelanjaan	363.38	317.30	46.08	14.5
BAKI PADA 31 DISEMBER	185.49	171.94	13.55	7.9
Penggunaan (%)	96.4	106.5		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

8.3. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah aktanya sendiri dan Amanah Am yang ditubuhkan di bawah Akta 61 bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan pertubuhan, persatuan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri mempunyai 23 akaun amanah awam. Baki kumpulan wang amanah ini pada akhir tahun 2021 berjumlah RM136.37 juta berbanding RM116.55 juta pada tahun 2020 iaitu meningkat sebanyak RM19.82 juta atau 17% seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
BAKI KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	116.55	132.47	(15.92)	(12.0)
Terimaan	206.82	114.16	92.66	81.2
Perbelanjaan	187.00	130.08	56.92	43.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	136.37	116.55	19.82	17.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

8.4. Akaun Deposit

8.4.1. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am memperakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian serta perlu dikembalikan apabila maksud deposit tersebut telah tercapai. Deposit Pelarasan pula merupakan akaun sementara sebelum bayaran atau pelarasan dibuat ke akaun tertentu.

8.4.2. Pada akhir tahun 2021, baki Akaun Deposit meningkat sebanyak RM11.79 juta atau 4% menjadi RM304.09 juta berbanding RM292.30 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh Deposit Royalti Kayu Kayan di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang yang meningkat dengan ketara sebanyak RM8.89 juta atau 9.3% pada tahun 2021 menjadi RM104.25 juta berbanding RM95.36 juta pada tahun 2020.

8.4.3. Selain itu, peningkatan Akaun Deposit turut disebabkan oleh peningkatan Deposit Tanah di 13 Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebanyak RM4.77 juta atau 13.4% menjadi RM40.45 juta berbanding RM35.68 juta pada tahun 2020. Antara punca peningkatan tersebut adalah penambahan 76 pendeposit pada tahun 2021 berjumlah RM1.89 juta di Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh dengan TNB merupakan penyumbang ketara peningkatan berjumlah RM1.27 juta.

8.4.4. Pada tahun 2021, Deposit Pelarasan Cek Terbatal dan Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal berjumlah RM4.66 juta telah dikelaskan ke Deposit Pelarasan selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) bilangan 4 Tahun 2019. Pada tahun 2021, sejumlah RM7.57 juta deposit di tujuh PTJ yang tidak dituntut selepas diwartakan telah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Baki Akaun Deposit pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
BAKI AKAUN DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	AKAUN DEPOSIT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
DEPOSIT AM					
1.	Deposit Royalti Kayu Kayan	104.25	95.36	8.89	9.3
2.	Deposit Tanah	40.45	35.68	4.77	13.4
3.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	15.01	13.89	1.12	8.1
4.	Deposit Wang Jaminan Pelepasan Bagi Kesalahan Undang-Undang	1.11	0.76	0.35	46.1
5.	Deposit Blok Sementara	0.24	0.01	0.23	2,330.0
6.	Pelbagai Deposit Am	138.37	145.49	(7.12)	(4.9)
JUMLAH		299.43	291.19	8.24	2.8
DEPOSIT PELARASAN					
1.	Deposit Pelarasan Cek Terbatal	3.54	0.00	3.54	100.0
2.	Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal	1.12	0.00	1.12	100.0
3.	Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan	0.00	1.11	(1.11)	(100.0)
JUMLAH		4.66	1.11	3.55	319.8
JUMLAH AKAUN DEPOSIT		304.09	292.30	11.79	4.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan negeri yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Memorandum Aset dan Memorandum Liabiliti. Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset Kerajaan negeri iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Memorandum Liabiliti pula menunjukkan sebahagian liabiliti Kerajaan negeri yang terdiri daripada Hutang Awam, iaitu hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan institusi kewangan. Penyata Akaun Memorandum pada akhir tahun 2021 menunjukkan Kerajaan negeri mempunyai aset berjumlah RM1.043 bilion manakala liabiliti pula berjumlah RM3.384 bilion.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan negeri kepada agensi negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan negeri atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2021, baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM196.29 juta menurun sebanyak RM3.40 juta atau 1.7% berbanding RM199.69 juta pada tahun 2020. Penurunan ini disebabkan oleh

agensi/syarikat telah membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan.

9.1.2. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah memberi penangguhan bayaran balik anuiti tahun 2021 kepada MBK sebanyak RM4.1 juta. Baki Pinjaman Boleh Dituntut Kerajaan negeri pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	AGENCI/SYARIKAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	138.70	138.99	(0.29)	(0.2)
2.	Amanah Saham Pahang Berhad	20.70	21.20	(0.50)	(2.4)
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	36.89	39.50	(2.61)	(6.6)
JUMLAH		196.29	199.69	(3.40)	(1.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

9.2. Pelaburan

9.2.1. Pelaburan kerajaan negeri pada akhir tahun 2021 berjumlah RM846.46 juta adalah sama seperti pada tahun 2020. Perkara ini disebabkan tiada pembelian atau penjualan saham dalam tahun semasa. Baki pelaburan saham Kerajaan negeri pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
BAKI PELABURAN SAHAM KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	SYARIKAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
1.	Felda Global Ventures Holdings Berhad	829.95	829.95
2.	Amanah Saham Pahang Berhad	16.51	16.51
JUMLAH		846.46	846.46

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

9.2.2. Pada tahun 2021, dividen daripada pelaburan saham yang diterima oleh Kerajaan negeri berjumlah RM5.47 juta meningkat sebanyak RM1.82 juta atau 49.9% berbanding RM3.65 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh terimaan dividen sebanyak 3 sen bagi setiap unit saham dalam syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVHB) berjumlah RM5.47 juta. Kerajaan negeri turut mengagihkan sebanyak RM30,000 daripada dividen tersebut masing-masing kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), ASPA dan Kreatif Selaras Sdn. Bhd. (KSSB) yang


masing-masing mempunyai pegangan 1 juta unit saham dalam FGVHB. Pulangan dividen ke atas pelaburan Kerajaan negeri bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 30** dan **Carta 5**.

JADUAL 30
DIVIDEN DITERIMA DARIPADA
PELABURAN SAHAM BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	SYARIKAT	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Felda Global Ventures Holdings Berhad	10.94	0.00	0.00	3.65	5.47
2.	Axiata Group Berhad	0.08	0.08	0.09	0.00	0.00
JUMLAH		11.02	0.08	0.09	3.65	5.47

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 5
DIVIDEN DITERIMA DARIPADA
PELABURAN SAHAM BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2017 hingga 2021

9.3. Hutang Awam

9.3.1. Hutang Awam Kerajaan negeri terdiri daripada hutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan dan hutang kepada institusi kewangan bagi membiayai pelaburan. Pada tahun 2021, baki Hutang Awam meningkat sebanyak RM38.36 juta atau 1.2% menjadi RM3.108 bilion berbanding RM3.070 bilion pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh terimaan pinjaman bagi Projek Bekalan Air sebanyak RM6.67 juta dan Projek Pelbagai untuk Pembangunan Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah (PPSAS) sebanyak RM70.77 juta.

9.3.2. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah membuat bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) sebanyak RM6.12 juta dan Projek Pelbagai berjumlah RM2.40 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri turut membuat bayaran balik hutang kepada institusi kewangan sejumlah RM40 juta. Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
BAKI HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	PEMBIAYA/ TUJUAN PINJAMAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
KERAJAAN PERSEKUTUAN					
1.	Projek Bekalan Air	2,094.51	2,087.84	6.67	0.3
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	283.69	283.69	0.00	0.0
3.	Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	110.95	117.07	(6.12)	(5.2)
4.	Projek Pelbagai	599.10	521.29	77.81	14.9
JUMLAH		3,088.25	3,009.89	78.36	2.6
INSTITUSI KEWANGAN		20.00	60.00	(40.00)	(66.7)
JUMLAH HUTANG AWAM		3,108.25	3,069.89	38.36	1.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

9.3.3. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam

- a. Kerajaan negeri mempunyai tunggakan bayaran balik Hutang Awam termasuk faedah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.441 bilion iaitu meningkat sebanyak RM99.98 juta atau 7.5% berbanding RM1.341 bilion pada tahun 2020.
- b. Peningkatan ini disebabkan oleh baki tunggakan pinjaman termasuk faedah projek Bekalan Air pada tahun 2021 yang berjumlah RM1.134 bilion meningkat sebanyak RM97.70 juta atau 9.4% berbanding RM1.037 bilion tahun 2020 disebabkan oleh pertambahan jumlah pinjaman pokok berikutan pemberian moratorium dan penstrukturan semula bayaran balik pinjaman oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020.
- c. Tunggakan pinjaman bagi Projek Pelbagai meningkat sebanyak RM7.17 juta atau 8.3% menjadi RM94.07 juta pada tahun 2021 berbanding RM86.90 juta pada tahun 2020. Semakan Audit mendapati peningkatan ini adalah disebabkan peningkatan tunggakan bayaran balik bagi pokok pinjaman mudah (*soft loan*) bagi Sukan Malaysia.
- d. Tunggakan pinjaman projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) pula menurun sejumlah RM4.89 juta atau 7.3% menjadi RM62.24 juta pada tahun 2021 berbanding RM67.13 juta pada tahun 2020 disebabkan oleh bayaran balik pinjaman termasuk faedah bagi penjadualan semula pinjaman projek PKEN sejumlah RM4.89 juta.

- e. Tiada tunggakan bayaran balik hutang bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah bagi tahun 2021. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam Kerajaan negeri pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Projek Bekalan Air	1,134.29	1,036.59	97.70	9.4
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	150.07	150.07	0.00	0.0
3.	Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	62.24	67.13	(4.89)	(7.3)
4.	Projek Pelbagai	94.07	86.90	7.17	8.3
JUMLAH		1,440.67	1,340.69	99.98	7.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

9.4. Pelbagai Liabiliti

9.4.1. Berdasarkan kepada Penyata Akaun Memorandum Perenggan 6.2.2 Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) 8, Pelbagai Liabiliti terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat.

9.4.2. Pada tahun 2021, Nota Kena Bayar (Perjanjian Penyelesaian) berjumlah RM275.65 juta perlu dibayar oleh Kerajaan negeri kepada kontraktor kerana kegagalan pihak Kerajaan negeri memenuhi perjanjian yang ditetapkan. Bayaran telah dipersetujui bersama melalui perjanjian penyelesaian secara bulanan selama 36 bulan.

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Peraturan mengenai Akaun Belum Terima (ABT) dinyatakan dalam AP 89A dan Pekeliling Perbendaharaan WP10.6. ABT dikategorikan kepada Hasil, Pinjaman dan Hutang-hutang Lain. Pada tahun 2021, ABT Kerajaan negeri telah meningkat sebanyak

RM299.45 juta atau 36.2% menjadi RM1.128 bilion pada akhir tahun 2021 berbanding RM828.34 juta pada akhir tahun 2020. Peningkatan ketara ini disebabkan oleh perubahan kategori penggunaan dan syarat nyata tanah daripada 'Nil' atau 'Tiada' kepada suatu kategori penggunaan dan syarat nyata tanah yang bersesuaian serta pindaan kadar cukai tanah. Lima Jabatan yang mempunyai ABT tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
AKAUN BELUM TERIMA TERTINGGI
BAGI LIMA JABATAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JABATAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan	340.57	183.52	157.05	85.6
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Bentong	268.54	123.53	145.01	117.4
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Bera	117.74	11.15	106.59	956.0
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh	118.45	22.26	96.19	432.1
5.	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut	104.42	26.30	78.12	297.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 dan 2020

10.1.2. Tunggakan hasil cukai tanah meningkat sebanyak RM299.18 juta atau 36.9% menjadi RM1.111 bilion pada tahun 2021 berbanding RM811.66 juta pada tahun 2020 seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
TUNGGAKAN CUKAI TANAH PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JABATAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan	340.52	183.47	157.05	85.6
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Pekan	6.20	12.97	(6.77)	(52.20)
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Bera	117.74	11.15	106.59	956.0
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut	104.38	26.26	78.12	297.5
5.	Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands	7.76	27.82	(20.06)	(72.1)
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Raub	103.76	59.59	44.17	74.1
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Maran	12.32	320.72	(308.40)	(96.2)
8.	Pejabat Daerah dan Tanah Lipis	6.38	7.53	(1.15)	(15.3)
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh	118.41	22.22	96.19	432.9
10.	Pejabat Daerah dan Tanah Bentong	268.46	123.45	145.01	117.5
11.	Pejabat Daerah dan Tanah Rompin	24.91	16.48	8.43	51.2
JUMLAH		1,110.84	811.66	299.18	36.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Pahang Negeri Tahun 2021 dan 2020

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada akhir tahun 2021 adalah stabil berdasarkan perkara seperti berikut:

11.1. baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan negeri berjumlah RM640.95 juta pada akhir tahun 2021 berbanding RM541.99 juta pada akhir tahun 2020 iaitu meningkat sebanyak RM98.96 juta atau 18.3%;

11.2. baki pelaburan meningkat sebanyak RM40 juta atau 12.8% menjadi RM352.19 juta berbanding RM312.19 juta pada tahun 2020;

11.3. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebih sejumlah RM5.86 juta pada tahun 2021;

11.4. kutipan hasil meningkat sebanyak RM15.53 juta atau 1.8% pada tahun 2021 menjadi RM865.99 juta berbanding RM850.46 juta pada tahun 2020; dan

11.5. Kerajaan negeri membuat bayaran balik Hutang Awam sebanyak RM48.52 juta pada tahun 2021.

12. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik prestasi kewangan, Kerajaan negeri disyorkan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

12.1. meneruskan amalan perbelanjaan secara berhemat serta berusaha mengutip tunggakan hasil dan bayaran balik pinjaman boleh dituntut bagi memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan negeri; dan

12.2. berusaha untuk memastikan Hutang Awam dibayar mengikut tempoh yang ditetapkan.

